

Headline	Bimbingan kerjaya buka minda pelajar		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	28 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	13	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	181 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,128
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,384



Bimbingan kerjaya buka minda pelajar

Bandar Baru Nilai: Hampir 500 pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) tidak melepaskan peluang menyertai program Bimbingan Kerjaya TaHa@U anjuran Lembaga Tabung Haji (TH) dan Unit Pendidikan BH di kampus universiti itu, di sini semalam.

Program yang diisi pelbagai aktiviti dan maklumat penting untuk manfaat pelajar itu turut dimeriahkan dengan penyertaan 30 agensi dan syarikat termasuk TH yang membuka kaunter pendaftaran untuk keahlian Kelab TaHa@U, selain pasar raya besar yang menawarkan peluang kerja dan jualan pelbagai produk.

Pikat penyertaan 300,000 ahli
Turut mendapat sambutan pada program julung kali diadakan di USIM adalah sesi simulasi temu duga, forum dan ceramah kerjaya, bimbingan keusahawanan serta pengucapan awam oleh personaliti TV3, Ally Iskandar.

Sejak dilancarkan 10 April 2010, Kelab TaHa@U menarik penyertaan 300,000 ahli sehingga 30

September lalu.

Perasmian disempurnakan Penangurus Besar (Khidmat Pelanggan) TH, Mohammad Saimi Mat Som dan turut dihadiri Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar USIM, Nasrul Hakim Ahmad serta Penolong Pengarang Pendidikan BH, Feroz Abu Bakar.

Rancang kerjaya

Mohamad Saimi berharap program itu membuka minda pelajar mengenai pentingnya perancangan kerjaya sebelum tamat pengajian, selain memberikan maklumat bagi membantu mereka mempersiapkan diri dalam proses mencari kerja.

"TH membantu mahasiswa mempersiapkan diri dari segi fizikal, mental, ilmu serta keyakinan diri sebelum mengharungi dunia pekerjaan. Program ini juga diharap memberi pemahaman kepada pelajar mengenai prospek kerjaya berdasarkan bidang pengajian, panduan serta alternatif mengenai kerjaya yang bakal ditempuhi," katanya.

Headline	Bimbingan kerjaya buka minda pelajar		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	28 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	13	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	181 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,128
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,384



Kaunter pendaftaran Kelab TaHa@U mendapat sambutan pada program bimbingan kerjaya di USIM, Bandar Baru Nilai, semalam.

[FOTO MOHD AMIN JALIL/BH]